

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Welcome Centre
Sent: Wednesday, October 17, 2018 2:32 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: GOLF DAN LAKSAMANA TAN SRI MOHD ANWAR TIDAK DAPAT DIPISAHKAN



17 OKTOBER 2018 / 08 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

GOLF DAN LAKSAMANA TAN SRI MOHD ANWAR TIDAK DAPAT DIPISAHKAN



ANJUNG TAMU ONLINE: Ramai tertanya-tanya mengapa pemain golf sentiasa memakai pakaian kemas, sarung tangan dan mengenakan kasut yang dikhususkan, tidak lain tidak bukan ini dinamakan etika bermain golf.

Dalam konteks ini, bila bersukan, disiplin juga perlu dijaga seperti permainan lain yang mempunyai etika tersendiri untuk mencerminkan identiti sukan tersebut di samping mendidik seseorang pemain supaya berdisiplin dan menjaga adab permainan.

President, Malaysian Golf Association, Laksamana Tan Sri Mohd Anwar Mohd Nor (B) turut memberi pandangan beliau tentang dunia golf yang secara santai

singlah di UUM Welcome Centre diiringi Pengarah Akademi Golf Nasional (AGN), Prof. Madya Dr. Azman Yasin serta Timbalan Pengarah, Mohd. Rom Muslim.

Pertemuan bersama beliau sepanjang sesi taklimat Discover UUM tentunya terarah terhadap sukan golf yang bukan lagi untuk orang kaya bahkan sesiapa sahaja boleh bermain golf. Malahan modal untuk memiliki set golf juga tidak begitu mahal dan pelbagai kelab golf boleh dicuba jika berminat menceburi sukan golf.

Senada itu, Discover padang golf UUM telah membuka mata pemain golf nasional dan antarabangsa malah kepada mereka yang mula berjinak-jinak di padang sasar golf, belajar cara pukul, cara pegang dengan betul, cara berdiri dan sebagainya akhirnya akan sehati dengan jiwa.

Bak kata pepatah, tak kenal maka tak cinta. Menurut Laksamana Tan Sri Mohd Anwar,

"The objective of my visit to UUM is to present the plan to further improve the future of golf in Malaysia to the management at UUM National Golf Academy."

Katanya lagi sejurus selepas melawat Bilik Mesyuarat Eksekutif Welcome Centre,

"I am very impressed with the well-ventilated Welcome Centre and it clearly highlights the green campus environment."

Semoga dengan kehadiran beliau, sukan golf akan bertapak di kalangan generasi muda sekaligus melahirkan ramai jaguh golf hingga ke arena antarabangsa.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.